

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ۝ ١٣٧
 هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ۝ ١٣٨ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ
 كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ۝ ١٣٩

(Surah al- Imran : 137 – 139)

Ayat di atas menerangkan mengenai kepentingan memahami *sunnatullah*.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud *sunnatullah*. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan memahami *sunnatullah*. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Terdapat pelbagai jenis hukum tajwid dalam bacaan al-Quran.
Antaranya Mad Silah.

- (i) Apakah maksud Mad Silah? [2 markah]
- (ii) Nyatakan hukum dan cara bacaan bagi kalimah yang bergaris.

لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ

[2 markah]

(c) Firman Allah SWT :

﴿أَجْعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ۱۹ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَعْظَمَ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ۲۰﴾

(Surah al-Taubah : 17 – 19)

Ayat di atas menerangkan mengenai keutamaan dalam setiap tindakan yang dilakukan oleh manusia.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan **dua** bidang pelaksanaan *Fiqh al-Aulawiyat*. [2 markah]
- (ii) Jelaskan prinsip am dalam bidang pelaksanaan *Fiqh al- Aulawiyat* . [2 markah]

Sebagai umat Islam kita perlu memahami keutamaan dalam melakukan sesuatu tindakan.

- (iii) Pada pandangan anda, sejauh mana perkara di atas penting dalam kehidupan seseorang Islam. Huraikan. [4 markah]

2 (a) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : لَأَنْ يَحْتَطَبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْتَنِعَهُ. (مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ)

Hadis di atas menerangkan mengenai tuntutan supaya sentiasa berdikari dalam setiap urusan kehidupan.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Apakah maksud berdikari? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** konsep berdikari. [2 markah]

- (iii) Jelaskan **dua** hikmah berdikari. [2 markah]

Nabi-nabi terdahulu seperti Nabi Adam as, Nabi Musa as, Nabi Daud as dan Nabi Muhamad SAW pernah berkerja untuk menyara kehidupan keluarga mereka.

- (iv) Pada pendapat anda, mengapakah perlu mencontohi sikap berdikari para nabi seperti di atas. Huraikan. [4 markah]

- (b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ : الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبْتَهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ، أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ. (مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ)

Hadis di atas menerangkan tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Nyatakan **dua** golongan tersebut. [2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** contoh bagi setiap amalan berikut :

- a) Menyembunyikan sedekahnya
b) Sentiasa mencintai masjid [4 markah]

- (iii) Terangkan **dua** pengajaran hadis. [4 markah]

- 3 (a) *Al-Muntaqim* dan *al-Jabbar* merupakan nama-nama Allah SWT.
- (i) Nyatakan maksud *al-Muntaqim*. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** kefahaman mengenai nama Allah SWT *al-Muntaqim*. [4 markah]
 - (iii) Keimanan kepada *al-Jabbar* melahirkan rasa gerun untuk bersikap takabur. Jelaskan **empat** akibat sikap takabur. [4 markah]
- (b) Sebahagian besar umat Islam di Malaysia berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- (i) Nyatakan **dua** nama lain Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]
- Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- (ii) Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 markah]
- 4 (a) Sembelihan merupakan cara terbaik untuk menghilangkan nyawa binatang yang akan dijadikan sebagai makanan kepada manusia.
- (i) Nyatakan maksud sembelihan. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** syarat sah bagi penyembelih. [2 markah]
 - (iii) Nyatakan **dua** rukun sembelihan. [2 markah]
 - (iv) Terangkan **dua** hikmah sembelihan dari sudut sains. [4 markah]

(b) Perkahwinan merupakan satu proses penyatuan dua jiwa dengan ikatan yang diredhai Allah SWT.

(i) Jelaskan hukum perkahwinan berikut :

- a) Wajib
- b) Haram

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** adab mengadakan *walimatul urus*.

[2 markah]

(iii) Cadangkan kewajipan suami terhadap isteri untuk mengelakkan pengabaian dalam rumahtangga.

[2 markah]

Suami menguruskan rumah dan anak-anak manakala isteri pula bekerja bagi menanggung perbelanjaan keluarga

(iv) Berdasarkan situasi di atas, wajarkah perkara ini berlaku?
Huraikan hujah anda.

[4 markah]

5 (a) Kerajaan Bani Umayyah diasaskan oleh Muawiyah bin Abi Sufyan.

(i) Nyatakan **dua** orang khalifah Bani Umayyah yang terkenal selain Muawiyah bin Abi Sufyan.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan Khalifah Muawiyah bin Abi Sufyan.

[2 markah]

(iii) Terangkan **dua** faktor kegemilangan Bani Umayyah dari sudut pendidikan.

[4 markah]

(b) Solahuddin al-Ayubi merupakan tokoh panglima Islam yang berjaya membebaskan Baitul Maqdis daripada penguasaan tentera Salib.

Nyatakan **dua** sifat peribadi beliau.

[2 markah]

(c) *Khauf dan Raja* ' merupakan dua sifat terpuji yang saling berkaitan.

(i) Nyatakan maksud *Khauf*.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** cara untuk mendapatkan *Khauf*.

[2 markah]

(iii) Terangkan hikmah mengamalkan *Khauf dan Raja* ' dalam kehidupan.

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Orang Islam yang berjaya menyeimbangkan *Khauf dan Raja'* akan berjaya di dunia dan di akhirat.

- (iv) Sejauh manakah konsep di atas dapat melahirkan murid yang cemerlang.
Huraikan. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT